

Peniaga naik harga seperti peras ugut

LANGKAWI, Jumaat — Sikap peniaga menaikkan harga barang seolah-olah memeras ugut pengguna untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek, akan memberigambaran huruk kepada negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbuatan itu akan dilihat pelancong asing sebagai suatu gambaran buruk kepada rakyat Malaysia dan peniaga terhabit sendiri.

Sehubungan itu, katanya, peniaga yang mengamalkan etika perniagaan lebih selamat dalam jangka panjang kerana ia adalah lebih baik daripada sikap huruk memeras ugut pengguna.

"Saya ingin menasihatkan semua orang bahawa etika perniagaan lebih baik untuk diutamakan kerana ia dapat memberi kepercayaan penuh terhadap pelanggan," katanya.

Perdana Menteri mengulas perbuatan peniaga di Langkawi mengambil kesempatan menaikkan harga barang terlalu

tinggi berikutan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) yang diadakan di sini selama lima hari sejak Isnin lalu.

Tinjauan *Berita Harian* sejak bermula Lima mendapati peniaga menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya, khususnya harga makanan yang dianggap keterlaluan. Ada peniaga menjual capati dengan harga \$5 sedangkan harganya tidak pernah lebih 50 sen di gerai biasa.

Difahamkan, beberapa hotel dan chalet, termasuk yang dalam pembinaan mengenakan sewaterlalumahal sehingga lebih \$100 sehari walaupun kemudahan seperti televisyen dan telefon tidak disediakan.

Perdana Menteri kesal sikap peniaga terhabit kerana perbuatan menaikkan harga semata-mata ramai pelancong mengunjungi Langkawi pada masa ini menyebabkan mereka tidak akan datang lagi.